

**Dagangan dua hala Malaysia naik
Utusan Online
Februari 15, 2012**

KUALA LUMPUR 14 Feb. - Turki menasaskan jumlah dagangan dua hala antara negara itu dengan Malaysia mampu mencecah AS\$5 bilion (RM15.5 bilion) menjelang 2015.

Kaunselor Komersial Kedutaan Turki ke Malaysia, Hasan Onal berkata, pihaknya optimis sasaran dagangan itu dapat dicapai berikutan Malaysia bakal menandatangani perjanjian perdagangan bebas (FTA) dengan Turki pada pertengahan tahun ini.

Katanya, FTA akan memudahkan proses kemasukan pelaburan ke negara ini dan juga di Turki.

Selain itu, tegas Onal, kelembapan ekonomi di Eropah menyaksikan Turki mengubah haluan perdagangan ke Asia Tenggara dan melihat potensi yang terdapat di Malaysia.

"Saya yakin, lebih banyak syarikat besar dari Turki merancang untuk membuat pelaburan di Malaysia berbanding hanya beberapa syarikat sahaja pada waktu ini.

"Malaysia juga diyakini berkemampuan untuk menjadi pintu masuk produk dan barangan Turki ke rantau Asia Tenggara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media mengenai pameran produk Turki di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur selama tiga hari bermula 1 Mac depan.

Hadir pada majlis ialah Kaunselor Komersial Kedutaan Turki Ke Malaysia, Esat Durak.

Turki mengunjurkan jumlah dagangan dua hala dengan Malaysia antara AS\$1.8 bilion (RM15.5 bilion) hingga AS\$2 bilion (RM 6 bilion) pada tahun ini.

Pada pameran, sebanyak 1,000 padanan perniagaan akan dilakukan di antara pelabur Turki dan Malaysia.

Tambah Onal, Turki ingin menawarkan pelaburan dalam sektor pembinaan yang merupakan kepakaran utamanya.

"Sektor pembinaan kami adalah kedua terbesar di dunia selepas China dan kami mempunyai status piawaian kualiti Eropah," katanya.

Jelas beliau, produk-produk seramik, bingkai aluminium dan paip polivinil klorida (PVC) adalah antara bahan pembinaan yang dikuasai Turki di Eropah dan ia boleh dibawa masuk ke Malaysia.

Ditanya mengapa Turki memilih Malaysia sebagai pintu masuk utama ke Asia Tenggara, Onal menjawab, Malaysia mempunyai keistimewaan dan potensi tersendiri.

Katanya, Turki melihat Malaysia sebagai sebuah negara baru muncul yang lebih berkemampuan untuk memasarkan produk-produk di rantau ini.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0215&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_06.htm